



e-Invois: Ambang Pengecualian Baharu RM3 Juta!



Kesimpulan

- ❖ Ambang pengecualian e-Invois telah dinaikkan daripada RM1 juta kepada RM3 juta, berkuat kuasa mulai 1 September 2026.

Tip

- ❖ Semak semula perolehan tahunan atau hasil bagi menentukan sama ada ia berada di bawah ambang RM3 juta;
- ❖ Semak struktur pemilikan dan mengenal pasti sama ada terdapat pemegang saham bukan individu yang mempunyai perolehan/hasil RM3 juta atau lebih.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ("LHDNM") telah mengeluarkan Garis Panduan e-Invois Versi 4.8 pada 30 Ogos 2026. Garis panduan ini menggantikan Garis Panduan e-Invois Versi 4.7 bertarikh 7 Julai 2026.

Pindaan utama adalah berkaitan dengan jadual pelaksanaan e-Invois serta peningkatan ambang pengecualian bagi pembayar cukai yang mempunyai perolehan tahunan atau hasil kurang daripada RM3 juta. Pindaan ini merupakan suatu kelonggaran yang ketara bagi pembayar cukai dengan perolehan tahunan atau hasil RM1 juta hingga kurang daripada RM3 juta, yang sebelum ini tertakluk kepada pelaksanaan e-Invois.

Pindaan tersebut melibatkan perenggan 1.5 dan 1.6.1(e) serta pengenalan perenggan baharu 1.6.9 dan 1.6.10, seperti berikut:

Tarikh Pelaksanaan e-Invois bagi Perniagaan Baharu

Perenggan 1.5 telah dikemas kini bagi mengambil kira ambang baharu RM3 juta dalam menentukan tarikh pelaksanaan e-Invois bagi perniagaan yang mula beroperasi dalam tempoh 2023 hingga 2025. Perniagaan yang mula beroperasi dalam tempoh tersebut hendaklah menyemak semula tarikh pelaksanaan e-Invois masing-masing berdasarkan ambang baharu RM3 juta.

Ambang Pengecualian e-Invois Dinaikkan daripada RM1 juta kepada RM3 juta

Ini bermakna pembayar cukai dengan perolehan tahunan atau hasil kurang daripada RM3 juta secara amnya boleh menikmati pengecualian daripada pelaksanaan e-Invois, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh LHDNM.

Entiti Tertentu Tertakluk kepada Keperluan e-Invois

Garis Panduan ini turut memperincikan layanan e-Invois bagi entiti berikut:

- Badan berkanun;
- Pihak berkuasa berkanun;
- Pihak berkuasa tempatan; dan
- Organisasi antarabangsa.

Entiti-entiti tersebut dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi jualan barang atau pelaksanaan perkhidmatan mulai 1 Julai 2025 dan seterusnya.

Syarat-Syarat Kelayakan bagi Pengecualian Ambang RM3 Juta

Pengecualian bagi pembayar cukai dengan perolehan tahunan atau hasil kurang daripada RM3 juta ini adalah terpakai kepada pelbagai kategori pembayar cukai, termasuk individu, perkongsian, syarikat dan koperasi.

Walau bagaimanapun, pengecualian tersebut tidak terpakai dalam keadaan tertentu yang melibatkan struktur pemilikan atau kumpulan syarikat seperti dibawah:

- **Pemegang Saham Bukan Individu**

Pembayar cukai mempunyai pemegang saham bukan individu (atau yang setara dengannya) yang mempunyai perolehan tahunan atau hasil sebanyak RM3 juta atau lebih; atau

- **Anak Syarikat**

Pembayar cukai merupakan anak syarikat kepada syarikat induk yang mempunyai perolehan tahunan atau hasil sebanyak RM3 juta atau lebih; atau

- **Syarikat Berkaitan / Usaha Sama**

Pembayar cukai mempunyai syarikat berkaitan atau usaha sama yang mempunyai perolehan tahunan atau hasil sebanyak RM3 juta atau lebih.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk pautan dibawah:

Garis Panduan e-Invois (Versi 4.8), tarikh 30 Ogos 2026.

Sumber : Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ("LHDNM")

Penerbitan ini mengandungi maklumat dalam bentuk ringkasan dan hanya bertujuan sebagai panduan umum. Kandungan penerbitan ini tidak boleh dianggap sebagai nasihat profesional dan tidak seharusnya dijadikan sandaran tanpa mendapatkan pandangan dan nasihat sewajarnya daripada profesional yang berkelayakan. Mutiara Advisory tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau akibat yang timbul daripada apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil berdasarkan maklumat yang terkandung dalam penerbitan ini, termasuk sebarang kesilapan atau ketinggalan dalam penerbitan ini. Mutiara Advisory dengan ini menafikan segala liabiliti dan tanggungjawab kepada mana-mana pihak, sama ada pembaca penerbitan ini atau sebaliknya, berhubung dengan apa-apa kerugian atau akibat yang timbul daripada penggunaan atau pergantungan terhadap kandungan penerbitan ini.

SIAPA KAMI

Mutiara Advisory merupakan sebuah firma perakaunan dan perundingan korporat terkemuka di Malaysia yang menyediakan rangkaian komprehensif penyelesaian perniagaan serta perkhidmatan perundingan kepada pelanggan korporat.

Pelanggan kami terdiri daripada syarikat tersenarai awam, syarikat Fortune 500, syarikat multinasional (MNC), serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan yang merangkumi pelbagai sektor industri.

Pasukan pengurusan dan kakitangan kami terdiri daripada barisan profesional berpengalaman yang memiliki kelayakan seperti Chartered Accountant dan Chartered Financial Analyst, di samping pelbagai kelayakan profesional yang diiktiraf di peringkat tempatan dan antarabangsa. Dengan kepakaran dan pengalaman yang luas, kami komited untuk memberikan khidmat nasihat yang berkualiti tinggi serta penyelesaian yang strategik, praktikal dan berimpak kepada pelanggan kami.



PERKHIDMATAN YANG KAMI TAWARKAN

- + Khidmat Nasihat BPO & Perundingan Perniagaan
- + Khidmat Nasihat Digital
- + Khidmat Nasihat Family Office & Klien Persendirian
- + Khidmat Nasihat Kewangan & Transaksi
- + Khidmat Nasihat Strategi Kemasukan Pasaran
- + Khidmat Nasihat Migrasi
- + Khidmat Nasihat Luar Pesisir Labuan
- + Khidmat Nasihat Risiko dan Tabir Urus
- + Singapore Desk
- + Khidmat Nasihat Percukaian
- + Khidmat Nasihat Pindahan Harga
- + Khidmat Nasihat Penilaian



[W mutiaraadvisory.com](https://www.mutiaraadvisory.com)

KUALA LUMPUR | JOHOR BAHRU

T +6018 229 9784

